

AmaL Gaya Hidup Sihat : SK Patau-Patau dan SJK(C) Chi Wen Muncul Naib Johan Pertandingan Activ Jam Senam Aerobik Kebangsaan



Kuala Lumpur– SK Patau-Patau bersama SJK (C) Chi Wen muncul Naib Johan Kategori Muhibbah Pertandingan Activ Jam Senam Aerobik KPM – MILO Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 yang berlangsung di Bangsar Gateway Mall, Kuala Lumpur dari 20 hingga 22 September 2019.

Kedua-dua sekolah yang bergabung mewakili kontinjen Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah menghantar 12 orang murid dan berjaya membawa pulang hadiah bernilai RM 4000.00 berupa barangan sukan.

Johan bagi Kategori Muhibbah disandang kontinjen Melaka manakala tempat ketiga dimenangi pasukan dari Negeri Terengganu.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan,

Encik Raisin Saidin menzahirkan ucapan tahniah dan bangga atas kejayaan pasukan Muhibbah Labuan kerana mengharumkan nama Labuan di Peringkat Kebangsaan.



Pasukan Muhibbah Labuan

Sementara itu, Guru Besar SK Patau-Patau, Encik Abd Rahman bin Salim yang turut mengiringi kontinjen Labuan ke pertandingan tersebut mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, guru-guru dan ibu bapa kedua-dua buah sekolah dalam membantu kejayaan pasukan Labuan.

Pasukan Muhibbah Labuan dianggotai oleh adik Chealsielyn Christopher, Gwen Stefani Anak Bujang, Nur Nadiha Asyura Binti Maslin, Nur Rizwaney Julia Binti Rizuan, Syahirah Binti Matasim dan Dayangku Norrabbiatul Waheeda Bt A. Ku. Faizul dari SK Patau-Patau. Manakala Ellicia Wong, Natalie Tee Yu Xuan, Elyssa Ho Yu Yan, Rachel Teo Xue Ting, Grettal Violet Henry, dan Jesselyn Justin merupakan murid SJK (C) Chi Wen.

Sementara bagi Kategori Terbuka, tiga buah sekolah dari

Labuan berjaya mendapat tempat 10 terbaik iaitu SJK(C) Chi Wen, SK Patau-Patau dan SK Bukit Kalam.

Kategori ini disertai 247 buah sekolah seluruh Malaysia dan hanya 10 buah sekolah terbaik sahaja dipilih berdasarkan video Senam Aerobik yang dihantar kepada pihak KPM – MILO.

Berita Oleh : SK Patau-Patau



Pasukan SK Patau-Patau



Pasukan SJK(C) Chi Wen



Pasukan SK Bukit Kalam